

26/01/2000

Anwar kemuka pembelaan alibi

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyambung keterangan membela diri hari ini, akan mengemukakan pembelaan alibi esok bagi membuktikan dia tidak meliwat Azizan Abu Bakar seperti dituduh.

Anwar, yang selesai memberi keterangan pembelaan bahawa wujud konspirasi mengada-adakan tuduhan liwat itu, mengambil dua jam untuk menjawab soalan peguambelanya, Karpal Singh.

Hakim Datuk Ariffin Jaka membenarkan seorang lagi peguambela Anwar, Christopher Fernando untuk menyemak semula diari peribadi Anwar serta diari rasmi beliau ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Pihak pembelaan akan menggunakan maklumat dalam diari itu sebagai alibi bahawa Anwar berada di tempat tertentu ketika kejadian liwat itu didakwa berlaku.

Sebelum itu, dalam keterangannya, Anwar memberitahu mahkamah, Azizan membuat tuduhan terhadapnya selepas bekas pemandu isterinya itu menemui orang tertentu.

Katanya, dia mendapat tahu, ketika itu Azizan juga menghadapi masalah kewangan dan meminjam wang daripada makciknyanya.

Anwar berkata, sebelum membuat tuduhan itu, Azizan kerap datang ke rumahnya sehingga 1997. Bagaimanapun selepas itu, katanya, Azizan meminta maaf atas tuduhan itu serta menyalahkan Ummi Hafilda Ali bertanggungjawab membuat tuduhan palsu itu.

Kepada soalan Karpal, Anwar memberitahu mahkamah, Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah pernah menyuarakan pandangan untuk mendakwa Ummi Hafilda dan Azizan kerana membuat tuduhan palsu itu.

Bagaimanapun, katanya, dia memberitahu Mohtar bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah memberi pandangan mengenai perkara membabitkan tuduhan itu sudah ditutup.

"Akhirnya, kami bersetuju perkara itu diserahkan kepada PM (Perdana Menteri)," katanya.

Menjawab soalan Karpal, Anwar berkata dia mendapat tahu Perdana Menteri ada menemu bual Azizan pada akhir Ogos 1998 selepas keputusan pemecatannya dibuat pada 25 Ogos tahun yang sama.

Anwar berkata, Perdana Menteri mengubah pendirian mempercayai dakwaan Azizan itu adalah tuduhan palsu pada 1997. Sebaliknya, kata Anwar, pada 1998, Perdana Menteri mempercayai tuduhan itu kerana percaya dia akan melawan Dr Mahathir merebut jawatan Presiden Umno.

Sebelum Anwar memberi keterangannya, Karpal memberitahu Ariffin, tindakan Peguam Negara mendakwa atas tuduhan menghasut adalah satu perbuatan menghina mahkamah.

Bagaimanapun, katanya, dia tidak akan membuat sebarang permohonan kepada mahkamah berhubung perkara itu dan hanya ingin mahkamah mencatatkan aduannya itu.

Katanya, Peguam Negara sepatutnya menyerahkan kepada Ariffin untuk mengambil tindakan jika beliau melakukan kesalahan ketika mengendalikan kes itu.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail berkata, Peguam Negara mengambil tindakan terhadap Karpal selepas polis selesai membuat siasatan penuh.

Katanya, beliau tidak mahu membuat ulasan lanjut kerana perkara itu sudah menjadi kes mahkamah dan terpulang kepada mahkamah berkenaan membuat

keputusannya.

Bagaimanapun, katanya, Peguam Negara bertindak mengikut undang-undang tanpa mengira kedudukan seseorang itu termasuk Karpal.

Ariffin berkata, aduan yang dibuat Karpal itu bukan sahaja membabitkan peguam itu seorang tetapi meliputi kerjaya undang-undang di negara ini.

Katanya, perkara itu perlu dikaji dan diputuskan dalam perbicaraan nanti.

Perbicaraan bersambung esok.

(END)